

**MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP)  
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) MS ISO 9001  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KALI KEEMPAT**

Tarikh : 22 Mei 2014  
 Masa : 9.00 pagi  
 Tempat : Dewan Senat, Bangunan Pentadbiran  
 Kehadiran : Lampiran A

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p><b>PENDAHULUAN</b></p> <p>Kata Aluan</p> <p>Pengerusi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mengalu-alu kehadiran ahli mesyuarat ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001 Universiti Putra Malaysia (UPM) kali keempat yang diadakan setahun sekali;</li> <li>(b) memaklumkan mewakili Naib Canselor sebagai Pengerusi yang tidak dapat hadir kerana berurusan di Kementerian; dan</li> <li>(c) mengingatkan ahli terma rujukan (TOR) MKSP adalah:           <ul style="list-style-type: none"> <li>i. melaksanakan semakan pengurusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti secara berkala bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti terus sesuai, mencukupi dan berkesan;</li> <li>ii. membuat penilaian ke atas peluang penambahbaikan dan keperluan perubahan kepada Sistem Pengurusan kualiti termasuk dasar kualiti dan objektif kualiti; dan</li> <li>iii. meneliti laporan yang berkaitan dan membuat keputusan yang sesuai.</li> </ul> </li> </ul> <p><b>4.1 Pengesahan Minit Mesyuarat</b></p> <p>Minit mesyuarat kali ketiga disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
		<b>Makluman</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
4.2	<p><b>Tindakan Susulan daripada Mesyuarat Lepas (Minit MKSP kali Ke-3)</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan berkenaan tindakan susulan yang telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas iaitu:</p> <p>4.2.1 daripada minit 3.2.9 – Tindakan Susulan daripada Mesyuarat kali ke-2: Polisi penyelenggaraan telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Pegawai Kanan pada 2 Mei 2013;</p> <p>4.2.2 daripada minit 3.3.2 (d) – Audit Dalaman 2013: Dua (2) isu yang dilapor menerima teguran daripada pihak SIRIM dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut dan masih dijumpai semasa audit dalaman telah diambil tindakan iaitu:</p> <p>(a) Isu Kolej yang telah diserah urus pada PJSD atau UPM Holdings. Mesyuarat mengambil perhatian Kolej Mohamed Rashid (KMR) telah menyediakan Perjanjian Perkhidmatan Bangunan Kolej Mohamad Rashid, Universiti Putra Malaysia Serdang, Selangor Darul Ehsan dan telah ditandatangani pada 27 November 2013. Manakala pihak pengurusan Kolej Serumpun telah menyediakan Laporan Ketidakpatuhan PJSD terhadap kerja-kerja seperti termaktub dalam kontrak konsesi. Laporan ini akan dibentang oleh Pengetua Kolej Serumpun dalam Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bersama Pengetua; dan</p> <p>(b) Isu bahan kimia luput, bahan kimia yang dibuka tidak dicatatkan, markah yang tidak sama antara Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dan data mentah serta alat tentukuran. Mesyuarat meminta semua Pusat tanggungjawab (PTJ) mengambil perhatian berkenaan isu ini. Mesyuarat melaporkan tindakan yang diambil oleh Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB) dan Institut Biosains (IBS) iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. meningkatkan pemantauan makmal dengan mengemaskini bahan kimia, memberi peringatan dalam mesyuarat Fakulti mengenai markah pelajar, dan mengemaskini dan mengaktif semula Jawatankuasa Tentukur; dan</li> <li>ii. memberi peringatan kepada semua staf makmal yang mengurus dan menggunakan bahan kimia.</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Tindakan: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)</b></p> <p><b>Tindakan: Semua PTJ berkaitan kecuali FBSB dan IBS</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>4.2.3 daripada minit 3.3.2 (e) – Audit Dalaman 2013: Makluman kepada staf telah dilaksanakan oleh PTJ supaya mengambil perhatian pada lima (5) klausa ketakakuran yang tertinggi iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) klausa 7.5.1 - Perancangan untuk Realisasi Produk sebanyak 66 OE (29.1%);</li> <li>(b) klausa 4.2.4 - Kawalan Rekod sebanyak 36 OE (15.9%);</li> <li>(c) klausa 8.2.4 - Pemantauan dan Pengukuran Proses sebanyak 16 OE (7.0%);</li> <li>(d) klausa 6.4 - Persekutaran Kerja sebanyak 9 OE (4.0%); dan</li> <li>(e) klausa 5.5.1 - Tanggungjawab dan Kuasa sebanyak 9 OE (4.0%).</li> </ul>	<b>Makluman</b>
	<p>4.2.4 daripada minit 3.4.1 – Maklum balas Pelanggan: Laporan analisis perbandingan penerimaan maklum balas tahun semasa dengan tahun sebelumnya telah disediakan oleh Peneraju pada laporan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan kali ke-4.</p>	<b>Makluman</b>
	<p>4.2.5 daripada minit 3.4.2 (c) iii – Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan: Tindakan telah dilaksana untuk meningkatkan jumlah responden bagi skop prasiwazah iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) membuat hebahan dari masa ke semasa melalui Buletin Putra dan Laman Web termasuk Kajian Kepuasan Pelanggan yang lain;</li> <li>(b) meminta pelajar mengisi kajian kepuasan pelanggan sambil menunggu urusan di kaunter atau sambil menunggu urusan dengan pegawai;</li> <li>(c) mengedar borang salinan keras (<i>hard copy</i>) ke fakulti dan kolej kediaman dan di dewan kuliah (dengan kerjasama pensyarah berkaitan); dan</li> <li>(d) merancang untuk menghantar kajian kepuasan pelanggan melalui emel kumpulan (<i>group email</i>) mengikut fakulti atau program bergantung kepada kesediaan pihak Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC). Mesyuarat mengambil perhatian tindakan membangunkan kumpulan emel ini dijangka selesai pada semester Ke-2 sesi 2013/2014).</li> </ul>	<b>Makluman</b> <b>Makluman</b> <b>Makluman</b> <b>Makluman dan Tindakan: TWP Prasiswazah dan iDEC</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>4.2.6 daripada minit 3.4.2 (e) i. – Kajian Kepuasan Pelanggan: Tindakan telah dilaksana untuk meningkatkan peratus pencapaian kualiti perkhidmatan proses prasiswazah iaitu:</p> <p>(a) memaklumkan kepada semua TWP fakulti melalui surat pemakluman dan Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses (MSKP) Perkhidmatan Utama Prasiswazah UPM Kali Ke-4 (Bil 2/2013) pada 2 Ogos 2013 meminta melaporkan tindakan pelaksanaan masing-masing untuk meningkatkan skor yang rendah bagi empat (4) item di bawah kualiti perkhidmatan proses prasiswazah iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pegawai mudah dihubungi;</li> <li>ii. Peraturan akademik jelas dan mudah difahami;</li> <li>iii. Portal pelajar membantu mengurus maklumat; dan</li> <li>iv. Kemudahan makmal di fakulti.</li> </ul> <p>(b) mengemaskini Buku Perkara Akademik Kaedah UPM, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan UPM 2003 dan pindaan 2005 kepada versi 2013 agar peraturan akademik lebih jelas dan mudah difahami. Mesyuarat mengambil perhatian buku berkenaan dijangka akan dihasilkan pada Semester Pertama 2014/2015 manakala perancangan pada semester seterusnya menerbitkan buku berkenaan dalam bentuk <i>on-line</i> atau <i>Apps</i> yang boleh diguna di dalam <i>Smartphone</i>, bergantung kepada peruntukan yang diluluskan.</p> <p>(c) membangunkan beberapa modul dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) Fasa 2 dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC). Mesyuarat mengambil perhatian modul ini dijangka akan dilancarkan pada Semester 2 sesi 2013/2014.</p> <p>4.2.7 daripada minit 3.4.2 (e) ii. – Kajian Kepuasan Pelanggan: Pihak pengurusan Sekolah Pengajaran Siswazah (SPS) telah meneliti hasil kajian yang tidak mencapai sasaran Kualiti Perkhidmatan yang telah ditetapkan sebanyak 70% dan berikut tindakan yang telah dilaksanakan, iaitu:</p> <p>(a) mengenalpasti punca tidak mencapai sasaran. Mesyuarat mengambil maklum antara punca yang dikenalpasti adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. responden tidak memahami soalan yang ditanya;</li> <li>ii. responden mengaitkan soalan dengan pentadbiran di Sekolah Pengajaran Siswazah; dan</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman / Tindakan: Bahagian Akademik</b></p> <p><b>Makluman / Tindakan: Bahagian Akademik dan iDEC</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>iii. responden mengaitkan soalan dengan perkhidmatan akademik yang diberikan seperti proses viva, rekod akademik dan sebagainya.</p> <p>(b) melaksanakan penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan terhadap pelajar, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. memperkenalkan sistem perkongsian maklumat yang dapat membantu mempertingkatkan pengurusan maklumat dalaman SPS;</li> <li>ii. memperkenalkan kaunter khas untuk urusan berkaitan surat pengesahan pelajar, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan kad perubatan pelajar antarabangsa;</li> <li>iii. mengadakan mesyuarat berkala setiap dua (2) minggu sekali bersama Dekan SPS bagi memantau urusan peperiksaan akhir (<i>Viva Voce</i>);</li> <li>iv. mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pengambilan Pelajar Siswazah dua (2) minggu sekali;</li> <li>v. menaiktaraf perisian komputer di SPS dengan versi terkini; dan</li> <li>vi. memperkenalkan penghantaran salinan lembut (<i>softcopy</i>) tesis kepada pemeriksa luar negara melalui <i>Dropbox</i>.</li> </ul> <p>(c) membuat cadangan pindaan ke atas soalan pertama pada soal selidik tersebut supaya lebih spesifik dan jelas bagi mengelakkan berlakunya kelemahan yang sama dalam proses penilaian.</p>	<p><b>Makluman</b></p>
4.2.8	<p>daripada minit 3.4.2 (e) iii. – Kajian Kepuasan Pelanggan: Tindakan telah dilaksana untuk meningkatkan peratus pencapaian kualiti perkhidmatan proses penyelidikan dan inovasi, iaitu:</p> <p>(a) membentangkan laporan pencapaian di Fakulti dalam Mesyuarat Fakulti dua (2) bulan sekali sebagai tindakan susulan kepada pegawai akademik;</p> <p>(b) membuat makluman kepada semua staf yang terlibat termasuk pegawai penyelidik; dan</p> <p>(c) mengedarkan Borang Kajian Kepuasan Pelanggan kepada semua PTJ bagi memastikan lebih banyak maklumbalas diterima dan memberikan peratusan yang lebih tepat mengenai perkhidmatan di bawah skop penyelidikan dan inovasi.</p>	<p><b>Tindakan: TWP Sekolah Pengajian Siswazah</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>4.2.9 daripada minit 3.4.2 (e) iv. – Kajian Kepuasan Pelanggan: Tindakan telah dilaksana untuk meningkatkan peratus pencapaian kualiti perkhidmatan proses Perkhidmatan Sokongan di bawah Kemudahan Komunikasi dan Kemudahan Fizikal Lain, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mengemaskini <i>email group</i>;</li> <li>(b) mengaktif semula Jawatankuasa laman web;</li> <li>(c) membuat penyelenggaraan bangunan secara berkala;</li> <li>(d) membuat pemantauan dan pemeriksaan berkala jalan-jalan yang berpotensi tahap keseriusan untuk mengalami kerosakan;</li> <li>(e) membuat pertukaran staf secara dalaman bagi memantapkan lagi sistem perkhidmatan dan struktur organisasi di Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset; dan</li> <li>(f) menjadikan kaunter pertanyaan di PTJ sebagai <i>one stop center counter</i> bagi memudahkan pelanggan berurus dan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan perkhidmatan.</li> </ul>	<b>Makluman</b>
	<p>4.2.10 daripada minit 3.6.3 (a) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: Mesyuarat mengambil makluman tindakan yang telah dilaksana di bawah transformasi sistem pengangkutan dalam kampus adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mengurangkan lima (5) buah bas di laluan Kolej lembah (6 Kolej kediamaan pelajar iaitu Kolej Canselor, Kolej ke Enam, Kolej Tun Dr. Ismail, Kolej Dua dan Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah);</li> <li>(b) menambah laluan bas yang baru iaitu di SPEC Puchong untuk pelajar Fakulti Perhutanan dan menambah bas baru di Kolej KTP, KPZ dan Kolej 13;</li> <li>(c) menyiapkan laluan pejalan kaki sejauh 1 kilometer dan laluan berbasikal sepanjang 4.2 kilometer; dan</li> <li>(d) melaporkan bahawa seramai 1,053 pelajar telah memiliki basikal, pada semester 1 sesi 2013/2014 yang kebanyakannya terdiri dari pelajar dari Kolej lembah.</li> </ul>	<b>Makluman</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>4.2.11 daripada minit 3.6.3 (b) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: Mesyuarat mengambil makluman kekerapan penggunaan bas Klinik Pengembangan Putra bagi tahun 2013 adalah sebanyak 12 kali penggunaan iaitu minimum sebulan sekali.</p> <p>4.2.12 daripada minit 3.6.3 (c) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: Mesyuarat mengambil makluman pra pelancaran Muzium Warisan Melayu bersama pihak media telah diadakan pada 8 April 2014, manakala perasmian muzium ini dijangka akan disempurnakan oleh DYMM Sultan Selangor dan tarikh perasmian belum ditetapkan. Berikut adalah maklumat terkini berkenaan Muzium Warisan Melayu, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) menempatkan empat (4) galeri iaitu busana dan tekstil Melayu, manuskrip Melayu, senjata tradisional Melayu, dan isi rumah Melayu;</li> <li>(b) terdapat kira-kira 70% artifak yang dipinjamkan oleh Dr. Hj. Muhammad Pauzi bin Abd. Latifuzium ditempatkan di Muzium ini dan telah diinsurangkan oleh pihak ETIQA Insuran;</li> <li>(c) mendapat penajaan berupa artifak purba seperti tekstil dan senjata bernilai RM20,000; dan</li> <li>(d) muzium ini hanya menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja dan penambahan tenaga kerja dapat membantu melancarkan lagi perjalanan dan pentadbiran muzium.</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
	<p>4.2.13 daripada minit 3.6.3 (d) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: Mesyuarat mengambil makluman status mengenai pembentukan geran insentif pengajaran dan pembelajaran (GIPP), iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dalam Mesyuarat JPU Bil. 429 pada 1 Februari 2012 [Minit 429.05 (k)(v)] telah meluluskan peruntukan bagi program Geran Insentif Penyelidikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (GIPP) yang dilaksanakan oleh Pusat Pembangunan Akademik (CADe). Inisiatif peruntukan GIPP secara tidak langsung akan menerapkan budaya inovasi dalam kalangan pegawai akademik UPM. Di samping menggalakkan pegawai akademik UPM untuk mencuba pelbagai pendekatan pengajaran seterusnya membuat refleksi tentang pembelajaran pelajar berdasarkan pengalaman sendiri di dalam kelas. Hasil penyelidikan bukan sahaja boleh dijadikan asas dalam membuat perancangan strategik berkaitan pengajaran dan</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN																														
	<p>pembelajaran universiti, malah boleh dikongsikan bersama semua ahli akademik UPM; dan</p> <p>(b) Ahli Pengurusan Pusat Pembangunan Akademik (CADe) melalui Mesyuarat Pengurusan CADe Ke-63 pada 23 Oktober 2013 telah meminta Bahagian Kajian Pengajaran dan Pembelajaran, CADe untuk memajukan laporan perkembangan prestasi pencapaian penyelidik di bawah program GIPP. Berikut adalah ringkasan prestasi pencapaian penyelidik di bawah GIPP sehingga 31 Disember 2013:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Maklumat/ Pencapaian</th><th>Tahun 2012</th><th>Tahun 2013</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jumlah Peruntukan Yang Diterima (RM)</td><td>: 342,000.00</td><td>300,000.00</td></tr> <tr> <td>Jumlah Penggunaan Peruntukan (RM)</td><td>: 162,931.31</td><td>38,529.45</td></tr> <tr> <td>Peratus Penggunaan Peruntukan (%)</td><td>: 47.6</td><td>12.8</td></tr> <tr> <td>Jumlah Projek</td><td>: 25 projek 14 projek (bermula Ogos 2012) 11 projek (bermula Nov 2013)</td><td>22 projek</td></tr> <tr> <td>Jumlah hasil penyelidikan</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>i. Artikel/ manuskrip/ buku</td><td>3</td><td>-</td></tr> <tr> <td>ii. Jurnal</td><td>2</td><td>-</td></tr> <tr> <td>iii. Kertas Pembentangan</td><td>Antarabangsa: 19 Kebangsaan: 2</td><td>Antara bangsa: 1</td></tr> <tr> <td>iv. Lain-lain (Poster, dan lain-lain)</td><td>4</td><td>-</td></tr> </tbody> </table> <p>4.2.14 daripada minit 3.6.3 (e) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: Mesyuarat mengambil perhatian kertas cadangan bagi memasang palang elektronik di sekitar kampus perlu dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) untuk mendapat kelulusan. Penambahbaikan yang dicadangkan ini bagi mengwujudkan sistem keselamatan yang lebih berkesan dan selamat.</p> <p>4.2.15 daripada minit 3.7.2 – Peluang Penambahbaikan: Mesyuarat mengambil makluman senarai peluang penambahbaikan yang telah dilaksanakan di UPM sebagaimana di <b>Lampiran 1</b>.</p>	Maklumat/ Pencapaian	Tahun 2012	Tahun 2013	Jumlah Peruntukan Yang Diterima (RM)	: 342,000.00	300,000.00	Jumlah Penggunaan Peruntukan (RM)	: 162,931.31	38,529.45	Peratus Penggunaan Peruntukan (%)	: 47.6	12.8	Jumlah Projek	: 25 projek 14 projek (bermula Ogos 2012) 11 projek (bermula Nov 2013)	22 projek	Jumlah hasil penyelidikan			i. Artikel/ manuskrip/ buku	3	-	ii. Jurnal	2	-	iii. Kertas Pembentangan	Antarabangsa: 19 Kebangsaan: 2	Antara bangsa: 1	iv. Lain-lain (Poster, dan lain-lain)	4	-	<p><b>Tindakan: Bahagian Keselamatan</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
Maklumat/ Pencapaian	Tahun 2012	Tahun 2013																														
Jumlah Peruntukan Yang Diterima (RM)	: 342,000.00	300,000.00																														
Jumlah Penggunaan Peruntukan (RM)	: 162,931.31	38,529.45																														
Peratus Penggunaan Peruntukan (%)	: 47.6	12.8																														
Jumlah Projek	: 25 projek 14 projek (bermula Ogos 2012) 11 projek (bermula Nov 2013)	22 projek																														
Jumlah hasil penyelidikan																																
i. Artikel/ manuskrip/ buku	3	-																														
ii. Jurnal	2	-																														
iii. Kertas Pembentangan	Antarabangsa: 19 Kebangsaan: 2	Antara bangsa: 1																														
iv. Lain-lain (Poster, dan lain-lain)	4	-																														

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
4.3	<p><b>Penemuan Audit</b></p> <p><b>4.3.1 Audit Pemantauan oleh SIRIM</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan pembentangan laporan audit Pemantauan oleh SIRIM dan mengambil makluman bahawa:</p> <p>(a) Audit Pemantauan MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM dilaksanakan pada 13 hingga 17 Mei 2013. Sepanjang audit, seramai 10 orang Juruaudit telah terlibat bagi mengaudit skop perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat <i>tertiary</i>, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat;</p> <p>(b) hasil Audit Pemantauan terdapat satu (1) ketakakuran iaitu dua (2) bukti objektif dan 29 peluang penambahbaikan;</p> <p>(c) kesemua bukti objektif untuk penutupan ketakakuran (NCR) telah dimajukan kepada SIRIM dalam tempoh tiga (3) bulan seperti yang ditetapkan dan telah ditutup; dan</p> <p>(d) ringkasan statistik penemuan mengikut skop dan analisis kepada hasil laporan audit pensijilan semula seperti di <b>Lampiran 2</b>.</p> <p><b>4.3.2 Audit Dalaman 2014</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil makluman pembentangan laporan audit yang disediakan oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM dan mengambil maklum pelaksanaan audit dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) telah diadakan pada 31 Mac hingga 3 April 2014 dan 21 hingga 24 April 2014 yang bertujuan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. menentukan UPM telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti mengikut keperluan Standard MS ISO 9001:2008 dan bersedia untuk menghadapi Audit Pemantauan oleh badan pensijilan; dan</li> <li>ii. mengenal pasti peluang penambahbaikan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan sistem penyampaian UPM.</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(b) dimaklumkan bahawa skop audit adalah menyeluruh iaitu pengurusan, prasiswazah, siswazah, penyelidikan dan inovasi dan proses sokongan, dan operasi perkhidmatan melibatkan semua Pusat Tanggungjawab kecuali Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa;</p> <p>(c) mengambil makluman terhadap enam (6) kekuatan yang dilaporkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. UPM mengambil langkah yang proaktif dalam membantu menangani pelajar bermasalah melalui pelbagai kaedah dan antaranya Program kem <i>Future the Making</i>;</li> <li>ii. matlamat PG200 UPM jelas;</li> <li>iii. UPM mempunyai Auditor yang mantap dan profesional;</li> <li>iv. skop Sistem Pengurusan Kualiti yang menyeluruh;</li> <li>v. komitmen pengurusan sangat tinggi-sanggup melabur masa dan wang bagi memastikan berlaku perubahan dalam budaya kualiti dan mengubah tabiat kerja; dan</li> <li>vi. budaya kerja kualiti menunjukkan peningkatan.</li> </ul> <p>(d) mengambil perhatian terhadap sebelas (11) kelemahan/cadangan hasil daripada penemuan audit yang dilapor oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sistem Pengurusan Kualiti masih menggunakan pakai borang yang banyak;</li> <li>ii. Pemantauan pelaksanaan amalan kualiti tidak selaras antara Pusat Tanggungjawab;</li> <li>iii. Pemahaman menjalankan analisis data perlu ditingkatkan;</li> <li>iv. Simpanan rekod fizikal masih banyak;</li> <li>v. Penyelenggaraan rekod kualiti tidak serius;</li> <li>vi. Budaya kualiti perlu dipertingkatkan;</li> <li>vii. Kurang komitmen pensyarah dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran;</li> <li>viii. Banyak ketakakuran dalam fail kursus;</li> <li>ix. Matlamat baharu perlu diintegrasikan dalam pelan fungsian dan aras;</li> <li>x. Keperluan pengurusan risiko; dan</li> <li>xi. Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di peringkat peneraju dan PTJ perlu dipertingkatkan.</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Tindakan: Ketua PTJ dan TWP</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(e) mengambil perhatian cadangan perluasan skop bagi Sistem Pengurusan Kualiti iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Putra Science Park - Pengurusan pengkomersialan, urusan perjanjian pengkomersialan <i>term sheet</i> antara Putra Science Park dan Pejabat Penasihat Undang-Undang, dan pengurusan pelawat;</li> <li>ii. Bahagian Antarabangsa - Proses pengurusan visa; dan</li> <li>iii. Pusat Kesihatan Universiti - Proses rawatan perubatan dan pergigian.</li> </ul> <p>(f) mengambil maklum analisis penemuan ketakakuran (NCR) dan peluang penambahaikan (OFI) sebagaimana di <b>Lampiran 3</b>.</p> <p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan audit, mesyuarat memutuskan bahawa UPM telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti satu pensijilan dengan baik pada keseluruhannya. Walau bagaimanapun, kelemahan dan cadangan penambahbaikan yang ditemui/dikemukakan perlu diambil tindakan yang berkesan.</p>	<p><b>Tindakan:</b> <b>Pengarah Putra Sains Park, Ketua PKU, TWP TNC PI, TWP TNC AA, TWP PKU</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
4.4	<h4>4.4.1 Maklum Balas Pelanggan</h4> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Sistem Maklum Balas Pelanggan (U-Respons) dibangunkan secara <i>in-house</i> oleh iDEC dan mula diguna sepenuhnya mulai tahun 2012. Sistem U-Respons boleh diakses di alamat berikut <a href="http://www.upm.edu.my/mb">http://www.upm.edu.my/mb</a> untuk memberikan maklum balas, manakala untuk proses tindakan pula boleh diakses di <a href="http://u-respons.upm.edu.my">http://u-respons.upm.edu.my</a>;</p> <p>(b) mengambil makluman laporan perincian maklum balas pelanggan UPM yang dibentang oleh Peneraju Proses (Rujuk <b>Lampiran 4</b>) iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perbandingan Kategori Maklum Balas Mengikut Tahun 2012 dan 2013;</li> <li>ii. Perbandingan Jumlah Pengguna dan Maklum Balas Mengikut Tahun 2012 dan 2013;</li> <li>iii. Jumlah Maklum Balas Mengikut Status Tindakan 2013; dan</li> <li>iv. Jumlah Maklum Balas Mengikut PTJ.</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	(c) dimaklumkan bahawa setiap PTJ mempunyai Timbalan Penyelaras Kepuasan Pelanggan (TPKP) PTJ bagi mengurus maklum balas pelanggan di peringkat PTJ dan TWP PTJ bertanggungjawab membuat pengesahan keberkesanan tindakan.	<b>Makluman</b>
	<p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan supaya semua maklum balas yang diterima perlu diteliti, ditentukan punca ketakakuran dan mengambil tindakan sewajarnya. Keberkesanan tindakan perlu dilaksanakan supaya dapat menambahbaik perkhidmatan yang diberi.</p>	<b>Makluman</b>
	<p><b>4.4.2 Kajian Kepuasan Pelanggan</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum latarbelakang kajian kepuasan pelanggan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. terbahagi kepada empat (4) kategori utama mengikut kategori fungsi utama Universiti iaitu prasiswazah, pascasiswazah, penyelidikan dan inovasi, dan perkhidmatan sokongan;</li> <li>ii. pelaksanaan kajian menggunakan dua kaedah iaitu melalui Borang Kajian Kepuasan Pelanggan dan juga menggunakan edaran borang secara <i>online</i>; dan</li> <li>iii. kajian ini terbuka kepada semua warga dan pelanggan UPM termasuklah pelajar, pelawat, agensi luar, dan sebagainya.</li> </ul> <p>(b) mengambil makluman laporan perincian kajian kepuasan pelanggan yang dibentang oleh Peneraju Proses (Rujuk <b>Lampiran 5</b>) iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Analisis Pergerakan Data 2012 dan 2013;</li> <li>ii. Taburan Responden Mengikut Skop Perkhidmatan;</li> <li>iii. Perbandingan Skor Mean Mengikut Tahun 2012 dan 2013;</li> <li>iv. Perbandingan Pencapaian Bagi Sasaran Tahunan Mengikut Skop Perkhidmatan;</li> <li>v. Peratusan Pencapaian Indeks Kepuasan Pelanggan Mengikut Kategori Item: Prasiswazah;</li> <li>vi. Peratusan Pencapaian Indeks Kepuasan Pelanggan Mengikut Kategori Item: Pasca Siswazah;</li> </ul>	<b>Makluman</b> <b>Makluman</b> <b>Makluman</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>vii. Peratusan Pencapaian Indeks Kepuasan Pelanggan Mengikut Kategori Item: Penyelidikan dan Inovasi;</p> <p>viii. Peratusan Pencapaian Indeks Kepuasan Pelanggan Mengikut Kategori Item: Sokongan;</p> <p>ix. Perbandingan Jenis Komen Mengikut Kategori Maklum Balas; dan</p> <p>x. Analisa Jenis Maklum Balas Mengikut PTJ.</p> <p>(c) mengambil perhatian peratusan penurunan responden kajian tahun 2013 berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak 31.50%. Mesyuarat meminta Peneraju Proses mempertingkatkan hebatan mengenai pelaksanaan kajian kepuasan pelanggan.</p> <p>(d) mengambil perhatian peratusan pencapaian Indeks Kepuasan Pelanggan bagi Penyelidikan dan Inovasi adalah rendah iaitu sebanyak 52.3%. Mesyuarat mendapati kategori penilaian paling rendah adalah bagi penilaian kemudahan penyelidikan iaitu sebanyak 28.35%. Mesyuarat berpandangan sebagai Universiti Penyelidikan adalah penting untuk mempastikan Indeks Kepuasan Pelanggan adalah tinggi dan mencapai sasaran. Mesyuarat diberitahu Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) akan meneliti semula soalan-soalan kajian terutama yang berkaitan permohonan geran.</p> <p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa UPM akan mengambil tindakan mengikut keutamaan, terhadap penemuan kajian kepuasan pelanggan berdasarkan sumber sedia ada bagi meningkatkan kepuasan pelanggan.</p>	<p><b>Tindakan: Pejabat Naib Canselor</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN																
4.5	<p><b>Prestasi Proses dan Kepatuhan Produk/Perkhidmatan</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>4.5.1 dimaklumkan bahawa Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM telah disedia dan disemak oleh Pengurusan Universiti bersama semua Peneraju. Pencapaian bagi sasaran KPI yang ditetapkan telah dibincang dan dibentangkan pada siri bengkel setiap sukuan tahun bersama Pengurusan Universiti dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).</p> <p>4.5.2 mengambil maklum Laporan Semakan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM bagi sukuan keempat tahun 2013 (Q4 2013) sebagaimana di <b>Lampiran 6</b> dan KPI UPM bagi sukuan pertama tahun 2014 (Q1 2014) sebagaimana di <b>Lampiran 7</b>. Mesyuarat mendapati bahawa:</p> <p>(a) sebanyak 45 indikator utama telah diukur bagi Q4 2013, dan pencapaiannya keseluruhan adalah sebanyak 92.02%. Mesyuarat dimaklumkan mengenai pencapaian mengikut pecahan Peneraju iaitu:</p> <table border="1" data-bbox="441 1039 1108 1578"> <thead> <tr> <th data-bbox="441 1039 906 1125">Peneraju</th><th data-bbox="906 1039 1108 1125">Pencapaian (%)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="441 1125 906 1174">1. Akademik</td><td data-bbox="906 1125 1108 1174">86.68</td></tr> <tr> <td data-bbox="441 1174 906 1224">2. Penyelidikan dan inovasi</td><td data-bbox="906 1174 1108 1224">85.30</td></tr> <tr> <td data-bbox="441 1224 906 1273">3. Hal ehwal pelajar</td><td data-bbox="906 1224 1108 1273">100.00</td></tr> <tr> <td data-bbox="441 1273 906 1372">4. Jaringan industri dan masyarakat</td><td data-bbox="906 1273 1108 1372">99.82</td></tr> <tr> <td data-bbox="441 1372 906 1421">5. Sumber manusia</td><td data-bbox="906 1372 1108 1421">72.34</td></tr> <tr> <td data-bbox="441 1421 906 1471">6. Pengurusan kewangan</td><td data-bbox="906 1421 1108 1471">100.00</td></tr> <tr> <td data-bbox="441 1471 906 1569">7. Perkhidmatan perpustakaan</td><td data-bbox="906 1471 1108 1569">100.00</td></tr> </tbody> </table>	Peneraju	Pencapaian (%)	1. Akademik	86.68	2. Penyelidikan dan inovasi	85.30	3. Hal ehwal pelajar	100.00	4. Jaringan industri dan masyarakat	99.82	5. Sumber manusia	72.34	6. Pengurusan kewangan	100.00	7. Perkhidmatan perpustakaan	100.00	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
Peneraju	Pencapaian (%)																	
1. Akademik	86.68																	
2. Penyelidikan dan inovasi	85.30																	
3. Hal ehwal pelajar	100.00																	
4. Jaringan industri dan masyarakat	99.82																	
5. Sumber manusia	72.34																	
6. Pengurusan kewangan	100.00																	
7. Perkhidmatan perpustakaan	100.00																	

<b>MINIT</b>	<b>AGENDA</b>	<b>TINDAKAN/ MAKLUMAN</b>																
	<p>(b) sebanyak 40 indikator utama telah diukur bagi Q4 2014, dan pencapaiannya adalah sebanyak 82.10%. Mesyuarat dimaklumkan mengenai pencapaian mengikut pecahan Peneraju iaitu:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Peneraju</b></th><th><b>Pencapaian (%)</b></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1. Akademik</td><td>81.28</td></tr> <tr> <td>2. Penyelidikan dan inovasi</td><td>75.39</td></tr> <tr> <td>3. Hal ehwal pelajar</td><td>26.60</td></tr> <tr> <td>4. Jaringan industri dan masyarakat</td><td>98.70</td></tr> <tr> <td>5. Sumber manusia</td><td>92.60</td></tr> <tr> <td>6. Pengurusan kewangan</td><td>97.90</td></tr> <tr> <td>7. Perkhidmatan perpustakaan</td><td>100.00</td></tr> </tbody> </table> <p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa berlaku penurunan sebanyak 3.25% bagi pencapaian KPI 2013 berbanding pencapaian 2012 iaitu 95.27% pada tahun 2012 dan 92.02% tahun 2013. Manakala bagi Q1 2014 adalah baik, namun perlu mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan sasaran yang ditetapkan tercapai.</p>	<b>Peneraju</b>	<b>Pencapaian (%)</b>	1. Akademik	81.28	2. Penyelidikan dan inovasi	75.39	3. Hal ehwal pelajar	26.60	4. Jaringan industri dan masyarakat	98.70	5. Sumber manusia	92.60	6. Pengurusan kewangan	97.90	7. Perkhidmatan perpustakaan	100.00	<b>Makluman</b>
<b>Peneraju</b>	<b>Pencapaian (%)</b>																	
1. Akademik	81.28																	
2. Penyelidikan dan inovasi	75.39																	
3. Hal ehwal pelajar	26.60																	
4. Jaringan industri dan masyarakat	98.70																	
5. Sumber manusia	92.60																	
6. Pengurusan kewangan	97.90																	
7. Perkhidmatan perpustakaan	100.00																	
4.6	<h3><b>4.6 Status Tindakan Pencegahan dan Tindakan Pembetulan</b></h3> <h4><b>4.6.1 Tindakan Pencegahan</b></h4> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) meneliti laporan status tindakan pencegahan UPM bagi tempoh 1 April 2013 hingga 30 April 2014 iaitu sebanyak dua (2) tindakan telah dikenal pasti bagi mengelakkan ketakakuran berlaku (Rujuk <b>Lampiran 8</b>); dan</p> <p>(b) mengambil perhatian punca penyebab kemungkinan berlaku ketakakuran bagi tindakan pencegahan untuk meningkatkan bilangan pelajar UPM mengikuti program <i>outbound</i> di luar negara adalah kurang peruntukan kewangan. Tindakan pencegahan yang diambil adalah memperuntukkan sumber kewangan yang bersesuaian.</p>	<b>Makluman</b>  <b>Makluman</b>  <b>Tindakan: Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)</b>																

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p><b>4.6.2 Tindakan Pembetulan</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) meneliti laporan status tindakan pembetulan UPM yang direkodkan bagi tempoh 1 April 2013 hingga 30 April 2014 iaitu sebanyak lima (5) ketakakuran (Rujuk <b>Lampiran 9</b>). Laporan tindakan pembetulan ini adalah daripada sumber Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM dan Pelan Tindakan peringkat Fungsian dan Aras; dan</p> <p>(b) mengambil perhatian laporan keberkesanan tindakan pembetulan akan dilihat pada Mesyuarat Jawatankuasa ISO UPM (JKISO).</p> <p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Setelah menerima dan meneliti status tindakan pencegahan dan tindakan pembetulan, UPM mendapati bahawa tindakan pencegahan dan tindakan pembetulan direkod dan dilaksanakan secara berterusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan bagi mencapai KPI Universiti.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Tindakan: Bahagian Jaminan Kualiti</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
4.7	<p><b>Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>4.7.1 dimaklumkan bahawa laporan perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti ini merangkumi aspek perubahan yang telah dilaksana dari segi penstrukturran organisasi, perubahan terhadap proses kerja melalui teknologi dan inovasi, pelan tindakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM dan sebagainya yang memberi kesan kepada sistem penyampaian perkhidmatan dan pencapaian universiti;</p> <p>4.7.2 meneliti status perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti yang telah dilaporkan iaitu sebanyak 27 telah dilaksanakan secara berterusan dan sebanyak 15 dalam proses pelaksanaan (Rujuk <b>Lampiran 10</b>);</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>4.7.3 dimaklumkan bahawa sembilan (9) perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti yang dilaporkan masih dalam proses tindakan pelaksanaan, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Pertanian Bandaran yang memberi kesan memperkuatkan agenda sekuriti makanan;</li> <li>(b) melaksanakan Indeks Kegembiraan UPM atau <i>Happiness Index</i> (UPMHI) yang memberi kesan untuk mengenal pasti tahap kegembiraan warga UPM mengikut fungsi perjawatan (<i>job function</i>) yang diberikan supaya Universiti boleh mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi sebarang isu yang berlaku;</li> <li>(c) mewujudkan Himpunan Bakat (<i>Talent Pool</i>) pegawai akademik dan bukan akademik bagi Pelan Penggantian UPM yang memberi kesan membangunkan bakat kepimpinan pegawai serta melaksanakan penilaian kompetensi kepimpinan yang objektif bagi menyediakan himpunan bakal pemimpin yang bersedia dan berupaya mengambil alih teraju kepimpinan universiti agar kesinambungan kecemerlangan universiti dapat dikekalkan;</li> <li>(d) mewujudkan program Universiti Putra Malaysia <i>Talent Appreciation and Culture Transformation</i> (UPMTACT) yang memberi kesan sebagai platform pendedahan dan pembelajaran antarabangsa kepada pegawai bukan akademik bagi membantu transformasi budaya kerja dan budaya hidup pegawai UPM agar lebih berdaya saing sebaris dengan amalan universiti bertaraf antarabangsa;</li> <li>(e) membuat penawaran Tenaga Akademik Muda (TAM) yang memberi kesan memastikan pelan pengantian dan penyediaan pelapis kepada pegawai akademik sedia ada tidak terganggu;</li> <li>(f) membangunkan instrumen pengukuran impak Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM) berlandaskan 1-5 Bintang yang bertujuan untuk mengukur tahap keberkesanan projek JINM yang memberi kesan kepada Ketua Projek dan Ketua Pusat Tanggungjawab boleh memantau dan menilai kemajuan serta keberkesanan sesuatu projek Industri dan Komuniti dari masa ke semasa. Menerusi sistem ini, Universiti dapat mengenal pasti projek JINM yang berimpak dan membuat tindakan sewajarnya kepada projek yang tidak mendatangkan hasil seperti yang dirancang;</li> </ul>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Naib Canselor</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Naib Canselor</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Pendaftar</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Pendaftar</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Pendaftar</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Timbalan Naib Canselor (JINM)</b></p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(g) membangunkan sistem pengurusan peralatan penyelidikan (<i>Central Equipment Management System (CEMS)</i>) bagi mewujudkan sistem penggunaan dan pemantauan peralatan makmal di UPM yang memberi kesan supaya proses pembelian, tempahan peralatan serta makmal dan proses penyelenggaraan serta kalibrasi dapat dipantau dengan mudah;</p> <p>(h) membangunkan <i>Research Project Monitoring System (RPMS)</i> yang memberi kesan memudahkan pemantauan pelaksanaan projek penyelidikan yang dilaksanakan; dan</p> <p>(i) Menyediakan formula pengiraan kadar caj perkhidmatan dan pengujian bagi makmal yang menyediakan perkhidmatan dan pengujian yang memberi kesan untuk menyediakan kadar caj yang berpatutan dan mengambil kira faktor yang telah ditetapkan.</p> <p><u>Kesimpulan:</u></p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan bahawa UPM telah melaksanakan perubahan yang memberi kesan kepada pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti secara berterusan untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan dan mencapai tahap kepuasan pelanggan.</p>	<p><b>Tindakan: Pejabat Timbalan Naib Canselor (PI)</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Timbalan Naib Canselor (PI)</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
4.8	<p><b>Peluang Penambahbaikan</b></p> <p>Mesyuarat:</p> <p>4.8.1 dimaklumkan bahawa laporan peluang penambahbaikan ini direkodkan daripada hasil penemuan kajian kepuasan pelanggan, pemantauan proses produk/perkhidmatan, analisis data, dan hasil laporan pencapaian KPI UPM;</p> <p>4.8.2 meneliti dan mengambil perhatian laporan peluang penambahbaikan bagi tempoh 1 April 2013 hingga 30 April 2014 adalah sebanyak 12 yang disenaraikan (rujuk <b>Lampiran 11</b>), iaitu:</p> <p>(a) menambahbaik ciri keselamatan sijil dengan mewujudkan QR Code pada sijil akademik agar pengesahan boleh dilaksanakan oleh pihak ketiga sendiri (seperti majikan dan penaja) dengan menggunakan telefon pintar atau pengimbas melalui aplikasi QR Code umum yang boleh dimuat turun secara percuma;</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)</b></p>

<b>MINIT</b>	<b>AGENDA</b>	<b>TINDAKAN/MAKLUMAN</b>
	<p>(b) meminimakan penggunaan plastik semasa membekalkan ubat kepada pesakit/pelanggan PKU;</p> <p>(c) menyediakan kerusi urut untuk pelanggan perpustakaan (termasuk di perpustakaan cawangan);</p> <p>(d) menaiktaraf Kolej-Kolej kediaman dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta bagi kerja-kerja menaiktaraf tandas di 5 buah kolej kediaman iaitu Kolej 2, Kolej 5, Kolej 6 , KOSAS dan Kolej 10;</p> <p>(e) membangunkan Sistem Pangkalan Data <i>Industry Community Relations Intelligence System</i> (ICRIS) bagi meningkatkan keberkesanan proses kerja, pemprosesan data dan pelaporan maklumat JINM;</p> <p>(f) menubuhskan Jawatankuasa Pemandu Jaringan Industri dan Masyarakat Universiti;</p> <p>(g) membangunkan modul Kursus Asas Pengembangan sebagai pengisian kepada Kursus Pengembangan untuk pegawai akademik;</p> <p>(h) menyediakan Skim Insurans Berkelompok melibatkan semua staf UPM;</p> <p>(i) menaiktaraf Kemudahan Perumahan Staf UPM;</p> <p>(j) menyelaras sistem kod fail UPM;</p> <p>(k) menyusun semula unit aplikasi di Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC); dan</p> <p>(l) melaksanakan <i>Ticketing System</i> untuk Pembangunan ICT.</p> <p><b>Kesimpulan:</b></p> <p>Selepas menerima dan mengkaji semula laporan, mesyuarat memutuskan peluang penambahbaikan hendaklah dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.</p>	<p><b>Tindakan: Pusat Kesihatan Universiti</b></p> <p><b>Tindakan: Perpustakaan Sultan Abdul Samad</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat TNC HEPA</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat TNC JINM</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat TNC JINM</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat TNC JINM</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Pendaftar</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Pendaftar</b></p> <p><b>Tindakan: Pejabat Pendaftar</b></p> <p><b>Tindakan: iDEC</b></p> <p><b>Tindakan: iDEC</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
<b>4.9 Hal-hal Lain</b>	Mesyuarat mengambil maklum audit SIRIM yang dijadualkan pada 16 hingga 27 Jun 2014 akan ditunda pada 18 hingga 29 Ogos 2014 kerana pihak SIRIM kekurangan juruaudit.	<b>Makluman</b>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p><b>KESIMPULAN KESELURUHAN</b></p> <p>Secara keseluruhannya mendapati bahawa Dasar Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah sesuai dan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008 UPM bagi tempoh April 2013 hingga April 2014 adalah mencukupi dan berkesan.</p> <p>Keseluruhannya pencapaian KPI UPM Q4 2013 adalah cemerlang iaitu sebanyak 92.02% dan pencapaian KPI Q1 2014 berada di landasan yang betul dan telah mencapai sebanyak 82.1%. Bagi sasaran KPI Q4 2013 yang tidak tercapai sasaran, tindakan pembetulan telah dilaksanakan. Manakala, bagi sasaran KPI Q1 2014 yang masih belum tercapai dan berpotensi untuk tidak tercapai maka tindakan pencegahan telah dikenalpasti dan akan dilaksanakan.</p> <p>Cadangan penambahbaikan yang dilaporkan telah dipersetujui sebagai salah satu tindakan penambahbaikan berterusan kepada Sistem pengurusan Kualiti di UPM</p> <p><b>PENANGGUHAN</b></p> <p>Mesyuarat tamat pada jam 11.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	<p><b>Makluman</b></p>

**SENARAI KEHADIRAN  
MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP)  
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) MS ISO 9001:2008 KALI KE-4**

**Tarikh : 22 Mei 2014 (Khamis)**  
**Masa : 3:00 petang**  
**Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1**  
**Bangunan Pentadbiran, UPM**

**Hadir**

1. YBhg. Profesor Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin (**Pengerusi**)
2. YBhg. Profesor Dr. Mohammad Shatar Sabran
3. YBhg. Dato' Wan Azman Wan Omar
4. Encik Amir Hussain Md. Ishak
5. YBhg. Profesor Dr. Abdul Shukor Juraimi
6. YBhg. Profesor Madya Dr. Mohamed Zakaria Hussin
7. YBhg. Profesor Dr. Mohd. Hair Bejo
8. YBhg. Profesor Dr. Ab. Rahim Bakar
9. YBhg. Profesor Dr. Zainal Abidin Talib
10. Profesor Madya Dr. Zaid Ahmad
11. Profesor Madya Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad
12. YBhg. Profesor Dr. Hajjah Rahinah Ibrahim
13. YBhg. Profesor Dr. Norlijah Othman
14. YBhg. Profesor Madya Dr. Abu Bakar Md. Sultan
15. Profesor Madya Dr. Ramdzani Abdullah
16. YBhg. Profesor Dr. Bujang Kim Huat
17. YBhg. Profesor Dr. Japar Sidek Bujang
18. YBhg. Profesor Dr. Abdul Rahman Omar
19. YBhg. Profesor Dr. Robiah Yunus
20. Y.M. Profesor Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid
21. YBhg. Profesor Dato' Dr. Kamel Ariffin Mohd. Atan
22. Profesor Madya Dr. Hawa Ze Jaafar
23. Dr. Khairulmizam Samsudin
24. Tuan Haji Anuar Haji Ahmad
25. Profesor Madya Dr. Abdul Rasid Jamian

26. Profesor Madya Dr. Azizan Asmuni
